



**PENYERANG** Malaysia, Faizal Saari (dua dari kanan) menjaringkan gol ketika menentang Oman dalam perlawanan terakhir Kumpulan B, Piala Asia di Dhaka, Bangladesh semalam. - AHF

# Malaysia belasah Oman

Oleh **NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR**  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 OKT.

**M**ALAYSIA menamatkan persaingan peringkat awal kejohanan hoki Piala Asia 2017 di kedudukan teratas Kumpulan B selepas berpesta gol menundukkan Oman 7-1 di Dhaka, Bangladesh hari ini.

Malaysia yang sudah pun mengesahkan tempat ke peringkat Super 4 selepas menumpaskan China dan Korea Selatan sebelum ini, mengekalkan rekod tanpa kalah dalam saingan peringkat kumpulan dengan mula membuka tirai jaringan pada minit ke-16 menerusi Faizal Saari sebelum Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd. Jalil menjadikan kedudukan 2-0, dua minit kemudian.

Pada minit ke-20, Shahril Saabah menjaringkan gol ketiga



negara menerusi pukulan sudut penalti sebelum Tengku Ahmad Tajuddin menjaringkan gol keempat, tiga minit kemudian.

Faizal kemudian menjaringkan gol peribadi keduanya dalam perlawanan itu pada minit ke-27 dan Muhammad Amirool Aideed Arshad dan Muhammad Najmi Farizal Azlan melengkapkan tujuh jaringan Malaysia pada minit ke-40 dan 42.

Oman meraih gol saguhati menerusi Salmeen Al Nofali pada minit ke-25.

Jurulatih kebangsaan, Stephen Van Huizen berkata, perlawanan hari ini lebih kepada

bermain secara santai untuk mengelakkan pembaziran tenaga memandangkan Malaysia bakal beraksi dalam peringkat Super 4.

Katanya, skuad negara memulakan aksi dengan agak santai sebelum meningkatkan tempo permainan dan mencipta peluang yang cukup untuk menang selesa.

"Jelas sekali kami kehilangan kreativiti Fitri (Saari) dan ketiadaannya membuatkan pemain lain terpaksa bekerja lebih keras.

"Marhan (Mohd. Jalil), Nabil (Fiqri Mohd. Noor), Aideed, Azri (Hassan) juga memiliki kekuatan tersendiri tetapi secara keseluruhannya mereka perlu bekerja keras kerana kami kekurangan satu pemain untuk penggiliran.

"Dalam perlawanan hari ini juga kami hanya menggunakan Sukri (Abdul Mutalib) selama kira-kira empat minit kerana mahu melindunginya untuk aksi

separuh akhir nanti," katanya ketika dihubungi pemberita, di sini hari ini.

Korea Selatan mengiringi Malaysia ke peringkat Super 4 selepas muncul naib juara Kumpulan B manakala India mara selaku juara Kumpulan B dan diiringi Pakistan selaku naib juara.

Peringkat Super melibatkan dua pasukan teratas dari Kumpulan A dan B yang akan bermain secara round robin untuk merebut tempat ke perlawanan akhir.

## Subahan nasihat Fitri usah risau

**KUALA LUMPUR 16 Okt.** - Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) yakin skuad kebangsaan mampu memberikan tentangan hebat dalam Piala Asia 2017 di Dhaka, Bangladesh meskipun ketiadaan perancang utama Fitri Saari yang terpaksa pulang ke tanah air semalam.

Katanya, beliau yakin masih ramai pemain yang boleh memainkan peranan seperti Fitri.

"Ketiadaannya memang akan memberi kesan. Dia merupakan seorang pemain yang hebat dan jika ada Fitri, dia akan memberikan banyak impak.

"Bagaimanapun saya sudah memaklumkan kepadanya supaya jangan risaukan hal skuad kerana saya sebagai ayah, saya tahu keluarga lebih penting daripada segalanya. Kebajikan keluarga amat penting.

"Saya harap Fitri tabah dan terima dugaan ini dengan reda. Saya mahu dia bersama keluarganya hingga

anaknya beransur sembuh.

"Mengenai skuad kebangsaan, tidak mengapa. Saya yakin jurulatih Stephen Van Huizen ada formula lain. Kami di pihak MHC mendoakan agar anak Fitri sembuh seperti sedia kala," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, MHC terpaksa menghantar pulang pemain tengah itu dari Dhaka ke tanah air selepas menerima berita bahawa keadaan anaknya dalam keadaan kritikal dan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Serdang.

Fitri berada di Dhaka bersama skuad kebangsaan untuk mengharungi kempen Piala Asia sejak Rabu lalu hingga 22 Oktober ini.

Mengulas lanjut, Subahan yang sempat meluangkan masa menziarahi anak Fitri hari ini berkata, perkembangan Muhammad Adam Zafran kini semakin positif, namun masih dalam situasi membimbangkan.



**Mengenai skuad kebangsaan, tidak mengapa. Saya yakin jurulatih Stephen Van Huizen ada formula lain. Kami di pihak MHC mendoakan agar anak Fitri sembuh seperti sedia kala."**

**SUBAHAN KAMAL**  
Presiden MHC

